

No. Soalan:  
No. 26 PR-1332-T68218

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS**  
**DEWAN RAKYAT PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR  
BIN MUSA  
[KETEREH]**

**SOALAN : Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa  
[ Ketereh ] minta MENTERI LUAR NEGERI  
menyatakan strategi yang telah dirangka bagi  
memanfaatkan kedudukan Malaysia sebagai  
Pengerusi ASEAN dan sekali gus  
mempromosikan konsep Wasatiyyah dalam  
kalangan anggota ASEAN.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ketereh di atas soalan beliau.

2. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Kerajaan telah sejak beberapa tahun yang lepas berusaha untuk meningkatkan, menggalakkan dan menyebarluas pemahaman tentang konsep kesederhanaan dalam menangani konflik dan mencari penyelesaian secara aman terhadap isu-isu berkaitan keamanan dan keselamatan. Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia telah pun menyenaraikan kesederhanaan dalam menangani konflik sebagai salah satu daripada lapan keutamaan atau fokus Malaysia sepanjang Kepengerusian ASEAN pada tahun ini.

3. Ketika Sidang Kemuncak ASEAN Ke-26 yang baru sahaja berlangsung di Kuala Lumpur dan Langkawi pada 26 hingga 27 April 2015, para Pemimpin ASEAN telah memperakui Deklarasi Langkawi Mengenai Gerakan Kesederhanaan Global. Deklarasi tersebut telah diterajui oleh Malaysia. Deklarasi berkenaan, antara lainnya, telah menekankan kepentingan kesederhanaan secara menyeluruh dalam mempromosikan keamanan, memastikan pembangunan mampan dan pertumbuhan ekonomi yang saksama serta mempromosikan keharmonian sosial di rantau Asia Tenggara.

4. Selain itu, suka cita saya maklumkan semua Ahli Yang Berhormat yang berada di sini, bahawa Malaysia dan Negara-negara Anggota ASEAN telah dan akan menganjurkan aktiviti berkaitan seperti program seranta dan dialog antara agama bagi menggalakkan kesederhanaan. Ini termasuklah Persidangan Antarabangsa Gerakan Kesederhanaan Global Ke-2 yang akan diadakan di Kuala Lumpur, Forum Demokrasi Bali di Indonesia dan Simposium Sidang Kemuncak Asia Timur berkenaan Pemulihan Agama dan Integrasi Semula Sosial di Singapura.

**Sekian, terima kasih.**

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [ MACHANG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]** minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan berapakah jumlah geran penyelidikan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian setakat tahun 2010-2014 dan apakah kesan positif yang diterima daripada keseluruhan penyelidikan yang telah dilakukan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan agensi yang menerajui penyelidikan fundamental iaitu satu penyelidikan yang berupaya melonjakkan penjanaan teori, konsep dan idea baru yang menjadi pemungkin kepada penemuan baru yang merentasi sempadan ilmu dan penciptaan inovatif. Petunjuk prestasi utama (KPI) penyelidikan fundamental adalah penghasilan bakat berpengetahuan tinggi (graduan Sarjana dan PhD), penerbitan berimpak tinggi dalam jurnal berindeks dan harta intelek yang merupakan pemacu ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 berdasarkan kreativiti dan inovasi.

Sejumlah RM1.08 bilion daripada Dana Penyelidikan Fundamental KPM telah diperuntukkan sepanjang tahun 2010-2014 bagi membiayai 11,798 projek penyelidikan di pelbagai Institusi Pengajian Tinggi dan Pusat Penyelidikan.

Antara kesan positif yang diterima daripada penyelidikan ialah penghasilan graduan pasca siswazah yang mampu menyumbang kepada tenaga kerja berpengetahuan (*knowledge worker*) dan secara tidak langsung meningkatkan daya saing negara di peringkat global. Di samping itu, peningkatan bilangan pelajar pasca siswazah tempatan menyumbang kepada penjimatan perbelanjaan Kerajaan hasil daripada pengurangan penghantaran pelajar pasca siswazah ke luar negara. Peningkatan jumlah penerbitan dalam jurnal berindeks yang menjadi sumber rujukan penyelidik antarabangsa sekali gus membantu dalam melonjakkan keupayaan penyelidikan di Malaysia.

**SOALAN ( 28 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
[ MACHANG ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [ MACHANG ] minta  
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bilangan unit rumah PPR dan  
Mampu Milik yang sedia untuk didiami dan berapakah jumlah permohonan  
yang telah diterima.**

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek PPR yang telah siap akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri / Lembaga Perumahan / Pihak Berkuasa Tempatan untuk urusan pengisian dan pengurusan PPR tersebut. Segala permohonan untuk mendiami PPR tersebut adalah dibawah jagaan dan bidang kuasa Kerajaan Negeri / Lembaga Perumahan / Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan. Permohonan adalah dibuat melalui Sistem Pendaftaran Terbuka (SPT) negeri masing-masing. Buat masa ini, Kementerian tidak mempunyai rekod berhubung statistik permohonan untuk mendiami PPR dan rumah mampu milik secara keseluruhannya. Walaupun begitu, Kementerian ini akan menyerahkan maklumat ini apabila ianya dibekalkan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Sehingga kini sejumlah 168 projek PPR dilaksanakan oleh Kementerian meliputi 105 projek PPR yang telah siap dibina, 28 projek dalam pelbagai peringkat pembinaan dan 35 dalam peringkat perancangan. Jumlah

Keseluruhan unit rumah yang dilaksanakan bagi 168 projek tadi adalah 102,102 unit rumah.

**Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

**Jun 2015**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
[ MACHANG ]**

**DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [ MACHANG ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sepanjang sebulan GST mula diperkenalkan, berapakah jumlah kakitangan yang telah diarahkan untuk memantau peniaga/pekedai bagi memastikan tiada kepincangan yang berlaku.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah menggerakkan kesemua pegawai penguatkuasa seramai 2,124 orang dan ditempatkan di 73 pejabat Kementerian di seluruh negara bagi memantau dan mengambil tindakan penguatkuasaan pencatutan secara menyeluruh sepanjang menghadapi pelaksanaan GST dalam negara pada tahun 2015.

Bagi memperkasakan lagi tindakan penguatkuasaan pencatutan, Unit Antipencatutan yang diwujudkan di setiap Cawangan Kementerian bagi memastikan tindakan secara fokus dan terancang terhadap kepada pemantauan dan penyiasatan aktiviti pencatutan oleh peniaga sepanjang pelaksanaan GST. Latihan-latihan fungsional berkaitan dengan pencatutan juga telah diberikan kepada semua pegawai melalui 40 siri kursus di seluruh negara pada tahun 2014 dan ditambah lagi pada tahun 2015 menjadikannya sebanyak 60 siri kursus bagi membolehkan pegawai penguatkuasa di Kementerian mempunyai kepakaran dan terlatih dalam menjalankan penguatkuasaan pencatutan.